



Ruj. Kami : PMS/UP/656-3 JLD.4(15)

Tarikh : 30 Ogos 2010

Semua Ketua Jabatan Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Semua Ketua Badan Berkanun Persekutuan Sabah
Dan Wilayah Persekutuan Labuan

Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

**SURAT EDARAN PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BIL. 4/2010**

**PENGGUNAAN SIJIL *VIRTUAL* DALAM URUSAN PEROLEHAN KERAJAAN
BAGI BEKALAN DAN PERKHIDMATAN**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan kepada perkara yang tersebut di atas serta Surat Arahan Perbendaharaan (SAP) rujukan: S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.28 SK.6 (4) bertarikh 30 Disember 2009 dan SAP rujukan: S/K.KEW/PK/PP/1100/000000/10/31 Jld.29 SK.7 (4) bertarikh 29 Jun 2010.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan telah melaksanakan sepenuhnya penggunaan sijil *virtual* di seluruh negara pada 12 Julai 2010 bagi pendaftaran syarikat/firma perunding untuk menggantikan sijil pendaftaran sedia ada yang dikeluarkan secara manual sebelum ini. Dengan penggunaan sijil *virtual* ini, semua syarikat/firma perunding yang ingin menyertai perolehan Kerajaan bagi bekalan dan perkhidmatan tidak lagi perlu mengemukakan sijil pendaftaran syarikat/firma perunding masing-masing kepada Agensi/Pusat Tanggungjawab (PTJ). Semua Agensi/PTJ hendaklah membuat semakan menerusi Sistem ePerolehan (www.eperolehan.gov.my) untuk memastikan kesahihan taraf pendaftaran syarikat/firma perunding dengan Kementerian Kewangan sebelum melaksanakan urusan perolehan Kerajaan berdasarkan peraturan sedia ada. Semua maklumat dalam Sistem ePerolehan adalah muktamad.

3. Selaras dengan pelaksanaan sepenuhnya sijil *virtual* ini, Kementerian Kewangan memutuskan bahawa kata laluan yang telah diberikan kepada


Agensi/PTJ melalui permohonan secara surat rasmi seperti di SAP bertarikh 30 Disember 2009 telah ditamatkan pada 30 Jun 2010. Sehubungan itu, Agensi/PTJ hendaklah memohon kata laluan baru secara atas talian melalui laman web ePerolehan. Permohonan tidak perlu dibuat oleh pengguna Sistem ePerolehan yang telah eP *enabled* kerana kata laluan diberikan secara automatik. Garis Panduan dan Manual Pengguna Permohonan Akses ini adalah seperti di **Lampiran 1** dalam SAP bertarikh 29 Jun 2010.

4. Perhatian dan kerjasama Y. Bhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan berhubung perkara ini amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(YUSOF BIN HAJI SARANGIT)

Pegawai Kewangan Persekutuan Sabah